

CNS7734

R CE 03-09 00180 BA325

bah

Mahathir - Lawatan

MELAKA, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk memulakan lawatan rasmi dua hari.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datuk Seri Datin Paduka Siti Hasmah Mohamad Ali di lapangan terbang Batu Berendam, dekat sini disambut oleh Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik dan isteri Puan Sri Hajah Zabedah Abdullah, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamad Zam Abdul Wahab, anggota Exco Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Yang turut hadir ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie dan Timbalan Menteri Pendidikan Dr Fong Chan Onn.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian melawat empangan Durian Tunggal, dekat sini -- empangan yang menjadi punca krisis air di negeri ini Januari lepas.

Petang ini beliau akan merasmikan Taman Mini ASEAN di Air Keroh dan Golden Valley Golf Resort di Capam.

Datuk Seri Dr Siti Hasmah yang mempunyai aturcara berasingan, melawat Pasar Pelancongan Melaka di sini.

Esok Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat kabinet di sini. -- Bernama.

♥03/09/11-58MST